

09/05/2002

Umno sedia teruskan kerjasama dengan Pas: Pak Lah

KUALA LUMPUR, Rabu - Umno tidak menolak kemungkinan parti itu akan terus mengadakan pertemuan dengan Pas bagi membincangkan isu yang mempunyai kepentingan bersama pada masa akan datang.

Timbalan Presidennya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau sendiri tidak percaya kedua-dua parti itu akan terus bertentangan pendapat dalam segala isu.

"InsyaAllah," katanya ketika ditanya kemungkinan majlis syarahan perdana mengenai Palestin dan kemanusiaan yang menyaksikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berucap di pentas yang sama, merintis jalan ke arah kerjasama kedua-dua parti dalam isu tertentu.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar bersama pada akhir majlis syarahan itu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini malam ini. Hadir sama di sidang akhbar itu ialah Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Abdullah menyifatkan majlis itu sebagai bersejarah dan baik ketika umat Islam marah dengan nasib yang menimpa rakyat Palestin.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata pertemuan pemimpin Umno dan Pas mengemukakan pandangan bersama dalam isu Palestin adalah sejarah penting negara.

"Mesej yang disampaikan malam ini dapat difahami bahawa kita perlu ada rancangan jangka panjang untuk merubah minda umat Islam dan menunjukkan kepada dunia kita boleh menjadi contoh umat Islam yang dinamik," katanya.

Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali, berkata pertemuan malam ini adalah bersejarah kerana pertama kali Umno dan Pas mampu duduk bersama dan membincangkan isu yang sama iaitu keganasan Israel di Palestin.

"Ia adalah pertemuan bersejarah kerana kita membincangkan isu antarabangsa yang memang ada persamaan antara kita untuk menanganinya," katanya.